

**UCAPAN ALUAN**  
**YBHG. DATO' HJ ABDUL FATTAH HJ ABDULLAH**  
**PRESIDEN ANGKASA**

**KONVENSYEN KOPERASI PATUH SYARIAH ANGKASA & UKM 2016**

**KOMPLEKS DEWAN TUN ABDULLAH MUHAMMAD (KTAMS),**  
**UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA,**  
**BANGI, SELANGOR**

**24 SEPTEMBER 2016 / 22 ZULHIJAH 1437H (SABTU)**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله رب العالمين ، والصلاة والسلام على سيد المرسلين وخاتم النبيين ، نبينا محمد  
وعلى آله وأصحابه أجمعين

Y. Bhg. .... (rujukan kepada salutasi yang akan diberikan semasa Majlis ini berlangsung. Urusetia program akan meletakkannya di atas tempat ucapan).

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

1. Alhamdulillah, marilah kita sama-sama mengucapkan syukur ke hadrat Allah SWT di atas kesempatan waktu dan kesihatan yang diberikan kepada kita semua sehingga kita dapat menghadiri

“Konvensyen Koperasi Patuh Syariah ANGKASA & UKM 2016” pada hari ini.

2. Dalam kesempatan ini, saya mengalu-alukan kehadiran YBhg. Prof. Dato’ Ir. Dr. Riza Atiq Abdullah O. K. Rahmat, Timbalan Naib Cancellor Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa, Universiti Kebangsaan Malaysia ke majlis ini. Terima kasih YBhg. Prof. Dato’ Ir. kerana sudi melapangkan masa bersama kita dan seterusnya merasmikan majlis ini.

3. Saya juga ingin merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada Unit Pematuhan Syariah Bahagian Pengurusan Syariah dan Pembangunan ANGKASA, bersama-sama dengan seluruh warga kerja Jawatankuasa Perhubungan ANGKASA Negeri Selangor serta pihak UKM kerana telah bertungkus lumus menjayakan konvensyen yang penuh berinformasi ini, bagi memastikan gerakan koperasi di Malaysia sentiasa berjaya dan cemerlang.

4. Tidak lupa juga kepada semua hadirin dan hadirat, selamat datang ke majlis ini, yang mana tuan-tuan dan puan-puan adalah aset kepada negara untuk memastikan objektif kerajaan yang telah mewar-warkan elemen *Maqasid Syari'yyah* tercapai dalam gerakan koperasi yang tuan-tuan dan puan-puan wakili.

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

5. ANGKASA begitu komited untuk memajukan industri perkoperasian negara agar setanding atau lebih maju dari negara-negara luar yang menjalankan aktiviti yang sama. Apabila kerajaan mengumumkan agar disiplin ilmu *Maqasid Syari'yyah* dipraktikkan dalam gerakan kemajuan negara, maka ANGKASA juga memainkan peranannya. ANGKASA selaku badan Apex kepada gerakan koperasi di seluruh negara juga telah melaksanakan tanggungjawab yang perlu untuk menyahut seruan kerajaan amnya dan ANGKASA khususnya, yang mana saya melihat ia satu bentuk kerjasama yang sangat baik dan tersusun di antara satu sama lain bagi memastikan keseluruhan koperasi mendapat manfaat termasuk pemahaman mengenai Syariah & Muamalat dan pengaplikasiannya dalam semua aktiviti yang dijalankan.

6. Syariah secara literal bermaksud jalan lurus yang harus diikuti. Secara istilah, sebagaimana yang ditakrifkan oleh al-Qurtubi, bermaksud undang-undang Islam yang berupa pelbagai perintah yang ditanzilkan oleh Allah SWT kepada manusia. Secara yang lebih umum, Syariah juga ditakrifkan sebagai keseluruhan ajaran Islam yang berasaskan dua sumber utama iaitu al-Quran dan Sunnah Nabi Muhammad SAW. Oleh yang demikian, di dalam konvensyen yang dianjurkan ini akan memberi penekanan kepada prinsip-prinsip Muamalat dalam gerakan koperasi

yang memberi fokus kepada praktikal tadbir urus syariah dalam institusi pentadbiran secara amnya dan dalam gerakan koperasi secara khususnya.

7. Apa yang dilaksanakan ini, merupakan kesinambungan perjalanan Ekonomi Islam yang digagaskan Baginda Nabi SAW. Oleh itu, apabila kita menjalankan usaha ini bermakna kita sedang menggalas tugas yang diamanahkan kepada kita oleh Baginda Nabi SAW yang mana ia merupakan kehidupan beribadah dan akan memperoleh ganjaran di sisi Allah SWT.

### **Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

8. Malaysia merupakan negara yang telah di angkat dunia menjadi contoh terbaik dalam pelaksanaan sistem kewangan Islam dunia. Malaysia juga dijadikan hub rujukan dan panduan oleh negara-negara Islam yang ingin berkongsi pandangan dan maklumat terhadap sistem Muamalat yang dibangunkan. Inilah yang membanggakan kita semua.

9. Dalam hal ini, saya selaku Presiden ANGKASA bersama-sama Ahli Jawatankuasa Tadbir Kebangsaan dan seluruh warga kerja ANGKASA dengan kerjasama pihak UKM akan memastikan gerakan koperasi proaktif dan inovatif dengan pengiktirafan negara-negara Islam dan global terhadap Malaysia dalam hal pembangunan Sistem

Kewangan Islam dengan memastikan koperasi diangkat terbaik dalam Pematuhan Syariah. Ini merupakan satu kefardhuan dan kewajipan kepada saya dan juga tuan-tuan dan puan-puan kerana kita merupakan pimpinan yang bertanggungjawab dalam hal ini.

### **Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

10. Apa yang kita laksanakan bukanlah satu perkara baru tetapi telah dilaksanakan secara asas sejak zaman Nabi SAW dan para sahabat lagi, melalui "Khidmat Simpanan (Wadi'ah) oleh Az-Zubayr Al-'Awwam" lagi dan juga "Khidmat Perbankan oleh Ibn Abbas dan Abdullah Ibn Zubayr". Kita selaku pendokong Sistem Kewangan Islam Koperasi tidak mahu mendokong kewangan kapitalis global yang bertunjangkan mekanisme riba, tekanan faedah berganda dan penindasan yang kini sedang melumpuhkan sektor perbankan dan ekonomi Amerika Syarikat (AS), Eropah dan beberapa negara dalam sekelip mata. Pemulihannya masih buntu serta belum ada tanda ekonomi beransur pulih.

11. Kini, sistem kewangan dan perbankan Islam semakin berkembang. Kejayaan ini telah menarik minat banyak negara Islam dan negara bukan Islam. Mereka menghantar pegawai-pegawai untuk mempelajari sistem perbankan Islam yang diamalkan Malaysia. Inisiatif ini juga bakal memajukan lagi sistem kewangan dan perbankan Islam melalui proses penyelidikan dan pembangunan dalam memperkenalkan

lebih banyak produk demi untuk meningkatkan daya saing dan menjadi alternatif terbaik sistem konvensional.

12. ANGKASA tidak ketinggalan dalam memajukan penyelidikan dan pembangunan kewangan Islam dalam gerakan koperasi. Banyak program telah disusun dan dilaksanakan dengan begitu baik bahkan usaha mengemas kini semua transaksi koperasi sedang giat dijalankan seperti pembangunan Sistem Tawarruq yang telah dibangunkan oleh ANGKASA bagi produk pembiayaan yang menggunakan Skim Tawarruq. ANGKASA berharap semua koperasi dapat mengambil peluang ini untuk bersama-sama membangunkan kewangan Islam dalam koperasi kita.

13. Alhamdulillah melalui Garis Panduan 28 (GP28) yang memberi penekanan mengenai tadbir urus Syariah dalam gerakan koperasi, ANGKASA selangkah lagi bergerak ke hadapan dalam memberi sumbangan memperkasakan Pematuhan Syariah. Secara tidak langsung melalui persetujuan pihak SKM, ANGKASA diberikan penghormatan untuk memberikan perkhidmatan Pematuhan Syariah kepada gerakan koperasi melalui kelulusan Jawatankuasa Syariah ANGKASA. Jawatankuasa ini dilantik secara rasmi sebagai Jawatankuasa Syariah ANGKASA oleh SKM pada 30 Disember 2015.

14. Kesungguhan ANGKASA selaku badan apex membawa gerakan koperasi ke arah *Maslahah* memberikan impak yang baik kepada negara. Melalui rekod ANGKASA, sebanyak 108 buah koperasi telah menerima Sijil Pematuhan Syariah yang mewakili 432 produk dan transaksi. Permohonan untuk Pematuhan Syariah semakin bertambah daripada 264 buah koperasi kredit (sehingga September 2016) dan lebih kurang 115 buah koperasi bukan kredit. Ini menunjukkan sambutan terhadap Pematuhan Syariah semakin diterima dan sangat positif.

15. Kerjasama di antara ANGKASA dan UKM ini signifikan dan diperlukan kerana ia bakal memberi impak yang sangat baik kepada gerakan koperasi. Perkongsian ilmu-ilmu Muamalat pada hari ini diharap dapat memberikan input-input yang menarik kepada semua peserta yang hadir. Saya mengharapkan usahasama ini dapat diteruskan di masa akan datang.

Sekian, terima kasih. Wassalam.